

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN
HAMIDI [BAGAN DATUK].**

SOALAN NO. 67

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah terkini yang diambil oleh pihak Kementerian dalam meningkatkan penglibatan pekerja tempatan dalam sektor 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menurut *International Labour Organization (ILO)* telah mengklasifikasikan pekerjaan 3D di bawah program keselamatan kerja di mana keutamaan diberikan kepada jenis pekerjaan dan sektor yang paling berbahaya. Berdasarkan ILO juga, terdapat 71 jenis pekerjaan yang dikategorikan sebagai pekerjaan 3D yang meliputi pelbagai sektor. Perlu diambil perhatian bahawa pekerjaan 3D di bawah ILO adalah merangkumi pekerjaan mahir dan pekerjaan berkemahiran rendah. Antara contoh pekerjaan 3D adalah *Akupuntur*, Jurutera, Jururawat, Pemandang (*Boilerman*), Pekerja Binaan, Pemandu, Pencuci, Pengimpal, Penyelam dan Pekerja Ladang. Berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) yang dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia, jenis-jenis pekerjaan tersebut terangkum di bawah kategori 2 iaitu Profesional hingga kategori 9 iaitu Pekerjaan Asas.

SOALAN NO: 67

2. Kerajaan dalam usaha untuk mentransformasikan industri Malaysia ke arah Industri 4.0 yang sekali gus akan turut mengubah landskap pekerjaan 3D (*Dirty, Danger and Difficult*) kepada teknologi terkini dan ia mampu menggalakkan dan menarik minat rakyat tempatan untuk menceburi bidang berkenaan.

3. Selaras itu, pelbagai usaha dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia dalam memperkukuh kompetensi sumber manusia dalam menghadapi Industri 4.0 melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya. Langkah-langkah yang diambil oleh KSM adalah seperti berikut:

i. Menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;

ii. Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membangunkan *National Occupational Skills Standard (NOSS)* bagi 29 sektor Pekerjaan yang mana telah menjadi rujukan dalam pembangunan program latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. NOSS yang dibangunkan dan dipantau secara bersama dengan *Industry Lead Body (ILB)* adalah mengikut keperluan industri dan teknologi terkini;

iii. Merangka satu kajian berkaitan Pelan Induk TVET yang merangkumi keperluan TVET bagi menghadapi Industri 4.0. Dalam usaha untuk memperkasa kualiti dan penyampaian TVET selari dengan Industri 4.0, kajian ini akan menyentuh aspek penstrukturan semula kurikulum, menaiktarafkan fasiliti dan kemudahan latihan, pembangunan profesional tenaga pengajar serta perkara-perkara lain yang berkaitan; dan

SOALAN NO: 67

iv. Mengadakan sesi libat urus (*engagement*) dengan pihak industri bersama jabatan/agensi terlibat bagi memberi gambaran jelas berkaitan Industri 4.0. Maklumat hasil perkongsian daripada sesi ini akan seterusnya digunakan untuk mengkaji dan meneliti keperluan tenaga kerja bagi menghadapi Industri 4.0 seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan baharu.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi menarik minat pekerja tempatan ke dalam pekerjaan 3D pula, Kementerian Sumber Manusia mengambil langkah-langkah berikut:

(i) Secara berterusan mencari jalan untuk menambahbaikkan fasiliti di setiap ladang khususnya untuk kemudahan warga tempatan. Suasana kerja yang selesa sentiasa menjadi keutamaan agar dapat menarik minat warga tempatan khususnya belia untuk bekerja dalam sektor perladangan;

(ii) Mengadakan rundingan dan perbincangan dengan majikan di dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan perladangan bagi meminta mereka menyediakan pelbagai insentif dan kemudahan seperti syarat dan terma perkhidmatan yang menarik serta persekitaran kerja yang kondusif dan selamat;

(iii) Mengadakan rundingan dan perbincangan dengan majikan-majikan supaya melaporkan kekosongan jawatan kepada KSM bagi membolehkan pencari-pencari kerja yang berdaftar dengan KSM mengisi kekosongan tersebut; dan

(iv) Bagi mengekalkan kualiti dan produktiviti selaras dengan pelaksanaan automasi, syarikat digalakkan untuk memperkenalkan dan melaksanakan skim latihan bagi meningkatkan tahap kecekapan pekerja yang mempunyai kepakaran seterusnya menjadi aset penting syarikat.

5. Selain itu, Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pekerja tempatan ditawarkan peluang-peluang pekerjaan di dalam semua sektor pekerjaan. Antara langkah-langkah yang telah diambil seperti berikut:

(i) Menyediakan portal perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja;

(ii) Menganjurkan program penempatan pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya dan temuduga terbuka telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan

(iii) Mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia*, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di UTC bagi menyediakan khidmat nasihat profesional untuk mendapatkan pekerjaan dan latihan; dan

(iv) Memperkemaskan dan memperluaskan program perantisan dan latihan industri yang bertujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran pekerja.

6. Kerajaan komited untuk memastikan keutamaan kerja diberi kepada rakyat tempatan dan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja tempatan ditawarkan peluang-peluang pekerjaan terlebih dahulu di dalam semua sektor pekerjaan. Pekerja asing hanya mengisi kekosongan jawatan yang tidak diisi oleh pekerja tempatan bertujuan memastikan pembangunan ekonomi negara tidak terjejas dan kekal berdaya saing dalam keadaan ekonomi dunia semasa.